

KES MAHKAMAH

11 Jun 2019 – Seorang lelaki dijatuhi hukuman denda RM8000 atau 4 bulan penjara atas kesalahan miliki rokok seludup oleh Mahkamah Majistret Jenayah Kulim.

11 Jun 2019 – Mahkamah Majistret Kuantan mejatuhkan hukuman penjara 7 bulan dan perintah bayar duti import ke atas seorang lelaki yang mengaku salah kerana memiliki rokok belum lulus Kastam.

18 Jun 2019 - Seorang lelaki Cina dihadapkan ke Mahkamah Majistret Ipoh, Perak kerana disyaki memiliki 3,000,000 batang rokok pelbagai jenama yang belum lulus Kastam. Tertuduh tidak mengaku salah dan mohon dibicarakan. Kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

21 Jun 2019 – Seorang lelaki mengaku salah dan dijatuhi hukuman penjara 6 bulan oleh Mahkamah Majistret Jitra kerana membawa 4,700 batang rokok yang belum lulus Kastam. Kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967.

21 Jun 2019 – Mahkamah Majistret Jenayah 2 Selayang menjatuhkan hukuman denda RM800,000.00 ke atas seorang lelaki yang mengaku salah memiliki rokok dan tembakau pelbagai jenama yang belum lulus Kastam dan diperintahkan membayar duti sebanyak RM155,315.00 kepada Ketua Pengarah Kastam. Jika gagal membayar denda 6 bulan penjara.

21 Jun 2019 - Mahkamah Majistret Jenayah 1 Selayang menjatuhkan hukuman denda RM100,000.00 ke atas seorang lelaki yang mengaku salah memiliki rokok dan tembakau pelbagai jenama yang belum lulus Kastam dan diperintahkan membayar duti sebanyak RM6,220.00 kepada Ketua Pengarah Kastam Jika gagal membayar denda 6 bulan penjara.

21 Jun 2019 – Mahkamah Miri menjatuhkan hukuman denda RM150,000 ke atas seorang pesalah yang mengaku salah memiliki rokok pelbagai jenama yang belum lulus Kastam dan diperintahkan membayar duti sebanyak RM15,120.00 kepada Ketua Pengarah Kastam. Jika gagal membayar denda 12 bulan penjara.

21 Jun 2019 – Mahkamah Majistret Jawi, Pulau Pinang menjatuhkan hukuman penjara 6 bulan ke atas seorang lelaki india yang mengaku salah kerana memiliki minuman keras yang belum lulus Kastam. Kes dibawah seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

21 Jun 2019 – Mahkamah Majistret Butterworth menjatuhkan hukuman denda RM11,680 ke atas seorang lelaki kerana memiliki 73,000 batang rokok pelbagai jenama yang belum lulus kastam. Jika gagal bayar denda 6 bulan penjara.

21 Jun 2019 – Mahkamah Majistret Pekan, Pahang menjatuhkan hukuman enam bulan penjara ke atas seorang lelaki kerana memiliki rokok yang belum lulus Kastam dan diperintahkan membayar duit sebanyak RM488.00 kepada Ketua Pengarah Kastam.